

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 27 Jun 2021 9:23
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: KOLOKIUUM PENDIDIKAN STEM KEBANGSAAN 2021



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia


27 JUN 2021 / 17 ZULKAEDAH 1442H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohamad Nizwan Awang
Gambar Oleh: Muhammad Shamsul Shafie

KOLOKIUUM PENDIDIKAN STEM KEBANGSAAN 2021



UUM ONLINE: Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Pusat STEM Negara dengan Kerjasama Telekom Malaysia Berhad (TM) serta Universiti Utara Malaysia (UUM) telah menganjurkan kolokium Pendidikan STEM Kebangsaan 2021 baru-baru ini.

Naib Canselor UUM Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani dalam ucapannya berharap STEM memberi tumpuan dan pendekatan baru terutama dalam pengajaran berasaskan pengalaman, kemahiran berfikir aras tinggi supaya dapat diaplikasikan secara meluas terutama dalam PdP.

“Kita perlu merealisasikan titah Tuanku Sultan Kedah ketika merasmikan Mesyuarat Pertama Penggal ke-3 Dewan Undangan Negeri Kedah pada April tahun lalu yang mahukan UUM melalui penubuhan pusat Akademi Sains, Teknologi dan Matematik membantu kerajaan negeri dan negara khususnya agar selari dengan Dasar Sains Teknologi dan Inovasi Negara 2021 - 2030 MOSTI,”ujar beliau lagi.

Dalam pada itu pembangunan bakat yang jitu juga mampu menyesuaikan diri dengan perubahan ekonomi yang pantas bagi mengalakkan penciptaan produk dan teknologi baru.

Menurutnya lagi bakat ini perlu dibentuk dan diterjemahkan melalui tenaga kerja kemahiran tinggi, berdaya saing, berinovasi dan produktif agar usaha ini merangsang penggunaan teknologi tinggi serta menggerakkan penggunaan kaedah tradisional ataupun konvensional kepada penggunaan teknologi dalam pelbagai sektor.

Menyentuh mengenai Kolokium ini beliau berkata, penyertaan semua pihak dalam platform ini untuk berdiskusi akan memberi input yang lebih bermakna.

Sementara itu Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia Dr. Ahmad Rafee Che Kassim dalam ucapannya berharap kolokium ini dapat meningkatkan kompetensi pengetahuan dan kemahiran guru agar memperolehi maklumat terkini berkaitan dengan kerjaya STEM untuk disebar luas kepada pelajar.





Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.